مذاكرة چندكياوان شريعة نوسنتارا

٧

٢٠١٣

Hotel Fairmont, Singapura

29 - 30 Mei 2013 | 19-20 Rejab 1434H

# MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-7

**Ujrah : Isu-Isu dan Aplikasi dalam Kewangan Islam**

# Isu-isu Syariah berkaitan Aplikasi Kos Sebenar dalam Kewangan Islam


**Mohd Nazri Chik**

Penolong Pengurus Besar - Ketua Bahagian Syariah,
Bank Islam Malaysia Berhad (Malaysia)



Penaung

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Penganjur Bersama

ISRA الأكاديمية العالمية للبحوث الشرعية
International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance

AMANAH ASSET MANAGEMENT

Penaja Utama

Maybank Islamic

Penaja

BANKRAKYAT
Bank Pilihan Anda

BANK ISLAM

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-7

Ujrah : Isu-Isu dan Aplikasi dalam Kewangan Islam

# ISU-ISU SYARIAH BERKAITAN APLIKASI KOS SEBENAR DALAM KEWANGAN ISLAM

MOHD NAZRI BIN CHIK
Penolong Pengurus Besar, Syariah

Mei 2013

1

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-7

Ujrah : Isu-Isu dan Aplikasi dalam Kewangan Islam

## Apa yang ingin dicapai oleh muzakarah?

- **Objektif** – Membincangkan secara terperinci mengenai konsep, aplikasi dan isu-isu Syariah berkaitan dengan *actual fee* dan *actual cost* dalam kewangan Islam.
- **Persoalan**:
  - Apakah yang dimaksudkan dengan *actual fee* dan *actual cost?*
  - Apakah kerangka dan mekanisma bagi menentukan *actual cost?*
- **Pembentangan dalam Sesi 4 Muzakarah**:
  - Kertas 1: Konsep dan Aplikasi Kos Sebenar Dalam Institusi Kewangan Islam
  - Kertas 2 (iaitu kertas ini): Isu-isu Syariah Berkaitan Aplikasi Kos Sebenar Dalam Kewangan Islam.
  - Kertas 3: Analisa Ke Atas Isu-isu Kos Sebenar Dalam Produk-produk Kewangan Islam

2

## Cakupan pembentangan ini

| | |
|---|---|
| ✓ | Fi (*ujrah*) yang dikenakan oleh satu pihak yang berkontrak ke atas satu pihak yang lain dalam struktur kemudahan kewangan Islam yang perlu diasaskan kepada kos sebenar; |
| ✗ | Fi yang dikenakan dalam bentuk gantirugi atau penalti yang perlu berasaskan kepada kos sebenar disebabkan kegagalan memenuhi obligasi kontrak sama ada daripada deposit sekuriti (*hamish jiddiyyah*) atau lain-lain. |





# KEMUDAHAN-KEMUDAHAN KEWANGAN ISLAM DIMANA FI DIKENAKAN PERLU BERASASKAN KOS SEBENAR

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-7
Ujrah : Isu-Isu dan Aplikasi dalam Kewangan Islam

**KEMUDAHAN 1 – PRODUK-PRODUK JAMINAN (*KAFALAH*)**

- Melibatkan produk-produk berasaskan jaminan seperti:
  - *Bank Guarantee* sama ada 1:1 (مغطاة) atau bersih (غير مغطاة).
  - *Standby Letter of Credit,*
  - *Performance Bond,*
  - *Shipping Guarantee*
  - Pengesahan dokumen credit *(endorsement of credit facility)* dll.
- Majoriti ulama klasik berpandangan bahawa mengenakan fi atas *kafalah* adalah tidak dibolehkan kerana *kafalah* adalah salah satu *uqud tabarruat* dan pengenaan fi akan menjadikan kontrak batal (Nazih Hammad, 1997). Alasan mereka ialah:
  - Pengenaan fee akan menjadikan transaksi jaminan satu *aqd mu'awadhah,* sedangkan Syariah hanya membenarkan kontrak bentuk ini jika melibatkan kerja sebenar; bukan sekadar liabiliti sahaja; dan
  - Apabila berlaku tuntutan atas jaminan, maka penjamin perlu membuat bayaran dan ia akan menjadi satu pinjaman (*qard*) yang perlu dibayar kembali oleh orang yang dijamin. Maka fi tersebut adalah menjadi *riba al-qardh*.

5

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-7
Ujrah : Isu-Isu dan Aplikasi dalam Kewangan Islam

**KEMUDAHAN 1 – PRODUK-PRODUK JAMINAN (*KAFALAH*)**

- Pandangan klasik ini diterima oleh AAOIFI dan resolusi Majma' al-Fiqh al-Islami OIC.
- Namun, ulama-ulama Sheikh Dr Wehbah al-Zuhaily (*Al-Fiqh al-Islami*) dan Sheikh Ahmad Ali Abdullah (*Majallah Majma'*) membenarkan pengenaan fi dengan alasan:
  - Maslahah dan keperluan masyarakat yang berdepan dengan kesulitan mendapatkan jaminan secara percuma;
  - *Dhaman* bukanlah satu bentuk *qard,* tetapi bentuk kontrak *istihqaq* lalu mengharuskan pengenaan fi.
  - *Qiyas* kepada keharusan fi kerana menggunakan reputasi orang (أخذ الأجر على الجاه) dan fi kerana menjampi menggunakan ayat-ayat al-Quran (أخذ الجعل على رقية من القرآن).
- AAOIFI membenarkan caj pengurusan sebenar dalam mengeluarkan surat jaminan dengan syarat kadarnya tidak melebihi kadar komisen yang dikenakan institusi lain.
- Majlis Penasihat Syariah BNM dan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia memutuskan keharusan *kafalah bil ujr.*

6

## KEMUDAHAN 1 – PRODUK-PRODUK JAMINAN (*KAFALAH*)

- Amalan dalam industri di seluruh dunia boleh dikategorikan kepada tiga iaitu:

  1. Pengenaan komisen pada peratusan tertentu daripada jumlah jaminan seperti majoriti bank di Malaysia;
  2. Pengenaan kos sebenar pengurusan dalam mengeluarkan dokumen jaminan tanpa mengira jumlah jaminan (*flat fee*); dan
  3. Pengenaan kos sebenar pengurusan mengambilkira faktor-faktor yang berkaitan jumlah jaminan dan pada beberapa *slabs* berbeza-beza, yang bukan berkadaran dengan jumlah jaminan.

7

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-7
Ujrah : Isu-Isu dan Aplikasi dalam Kewangan Islam

## KEMUDAHAN 2 – PRODUK BERASASKAN *QARDH*

- Melibatkan transaksi-transaksi:
  - *Overdraft* apabila pengeluaran dilakukan melebihi had; tanpa mengira sama ada had/ limit diwujudkan berasaskan Tawarruq, Jual dan Sewa Balik, Musyarakah dan lain-lain.
  - Pinjaman dalam hari (*intra day borrowing*)
  - Pembelian draft asing, cek, cek pengembara dan lain-lain.

- Secara umumnya fuqaha' sepakat bahawa pengenaan fi perkhidmatan berasaskan kos sebenar adalah dibenarkan dalam memberikan sesuatu (Piawai Syariah AAOIFI No 9).

- Resolusi Majma' al-Fiqh al-Islami OIC mensyaratkan pengiraannya hendaklah sesuai dan tepat serta tidak melibatkan sebarang kos tidak langsung seperti penggajian kakitangan, sewa dan perbelanjaan pejabat dan liabiliti lain.

8

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-7
Ujrah : Isu-Isu dan Aplikasi dalam Kewangan Islam

# ISU-ISU SYARIAH DIMANA DALAM PENGENAAN FI BERASASKAN KOS SEBENAR

9

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-7
Ujrah : Isu-Isu dan Aplikasi dalam Kewangan Islam

## PIAWAI SYARIAH SEDIA ADA – KAFALAH

1. Bank boleh mengenakan fi atas jaminan, tetapi tidak boleh semata-mata berasaskan jumlah jaminan dan tempoh jaminan (AAOIFI Piawai Syariah 5).
2. Kos pengurusan sebenar sama ada bersifat preliminari atau akhir (الابتداءى والانتهاءى) boleh dikenakan tetapi tidak melebihi komisen yang dikenakan oleh pihak lain (pasaran perbankan) (AAOIFI Piawai Syariah 5).
3. Hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah (AAOIFI Piawai Syariah 5).
4. Tidak melibatkan sebarang kos tidak langsung *(indirect expense)* seperti penggajian kakitangan, sewa dan perbelanjaan pejabat dan liabiliti lain (Majma' OIC).
5. Tidak melibatkan kos pendanaan/ *cost of fund* (MPS BNM).

10

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-7
Ujrah : Isu-Isu dan Aplikasi dalam Kewangan Islam

## PIAWAI SYARIAH SEDIA ADA – KAFALAH

6. Majlis Pengawasan Syariah Meezan Bank membenarkan fi dikenakan:
   - Semasa pengeluaran dokumen jaminan atas dokumentasi, penilaian kredit, perhubungan pengurusan akaun, pemantauan dan lain-lain.
   - Fi tambahan atas setiap pindaan kepada dokumen jaminan sama ada melibatkan jumlah atau tempoh jaminan.

11

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-7
Ujrah : Isu-Isu dan Aplikasi dalam Kewangan Islam

## PIAWAI SYARIAH SEDIA ADA – KAFALAH



Meezan Bank
The Premier Islamic Bank

SCHEDULE OF CHARGES – JANUARY TO JUNE-2013

C - Guarantees

Amount in PKR

| Guarantee Amount Range | | Per quarter charges or part thereof | Subsequent quarter or part thereof |
|---|---|---|---|
| From | To | | |
| Amount Upto | 500,000 | [illegible] | [illegible] |
| [illegible] | [illegible] | [illegible] | [illegible] |

Minimum service charges for issuance / amendment of guarantees is Rs.2,000/- flat.

- The Shariah Supervisory Board of Meezan Bank has allowed the bank to charge a fee against services rendered at the time of issuance of Letter of Guarantee such as documentation, credit assessment, correspondence, accounts maintenance, monitoring etc.
- All guarantees amount exceeding Rs. 100 Million shall attract additional service charges of Rs.8,000/- per Rs. 1 Million each (per quarter or part thereof) + Rs.4,000/- subsequent quarters.
- Rs.1,000/- (flat) will be charge per amendment plus service charges as above, if amendment involves increase in amount or extension in period of validity of Guarantee.
- Rs. 1,000/- flat will be charged for Guarantee issued to Shipping Companies.
- Charges for guarantees issued on behalf of bank (correspondent/local/foreign) under their counter guarantees may be negotiated on case to case basis at the sole discretion of the bank.
- Claim handling charges Rs. 2,500/- (flat)
- Discount may be offered to customers in the above mentioned charges subject to the Management's approval.

Page 7 of 16

12

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-7
Ujrah : Isu-Isu dan Aplikasi dalam Kewangan Islam

## KAFALAH – CADANGAN UNTUK PERBINCANGAN

1. Jika fi atas kafalah diasaskan kepada qiyas kepada fi kerana menggunakan reputasi orang (أخذ الأجر على الجاه) dan fi kerana menjampi menggunakan ayat-ayat al-Quran (أخذ الجعل على رقية من القرآن), maka persoalan kos sebenar adalah tidak berbangkit.

2. Tetapi, adalah lebih *ihtiyat,* untuk diterima panjangan majoriti yang perlu berasaskan kos sebenar dengan mempertimbangkan beberapa aspek kos:

   - ✓ Kos semasa pengeluaran dokumen jaminan yang berbeza-beza bergantung kepada jumlah jaminan termasuk peringkat autoriti kredit.
   - ✓ Kos sepanjang tempoh jaminan seperti kos penilaian semula (*annual review*) melibatkan lawatan kepada pelanggan dan pembentangan kepada jawatankuasa kredit.
   - ✓ Jaminan sebagai *off-balance sheet item* juga tertakluk kepada caj modal dan memberikan kesan *erosion of capital* kepada bank. Perkara ini juga dicadangkan diterima sebagai satu kos sebenar kepada bank.

13

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-7
Ujrah : Isu-Isu dan Aplikasi dalam Kewangan Islam

## KAFALAH SEBAGAI OFF BALANCE SHEET ITEM

- ◆ Basel 1 (Risk-Weigted Capital Adequacy Framework) memerlukan *off balance sheet item* untuk diterjemahkan kepada suatu pendedahan *on balance sheet* dengan mendarabkan *(multiplying)* jumlah modal asas *(nominal principal amount)* dengan *credit conversion factor.* Hasilnya kemudian ditentukan wajaran risiko kreditnya dan caj modalnya *(credit risk capital charge)* mengikut wajaran risiko pelanggan.

- ◆ Kedudukan ini pada pendapat pembentang adalah berbeza dengan fi komitmen *(commitment fee)* dan juga kerugian peluang *(oppurtunity loss)* yang tidak diterima oleh ulama kontemporari dalam kontrak-kontrak *mu'awadhat* (MPS BNM & AAOIFI Piawai Syariah 8) kerana caj modal adalah perlu terus dilakukan apabila Bank mengeluarkan surat jaminan kepada pelanggan.

14

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-7
Ujrah : Isu-Isu dan Aplikasi dalam Kewangan Islam

## KAFALAH SEBAGAI OFF BALANCE SHEET ITEM

| BNM/RH/GL 007-21 | Islamic Banking and Takaful Department | Capital Adequacy Framework for Islamic Banks (Risk-Weighted Assets) | Page 42 / 469 |
|---|---|---|---|

| | Instrument | CCF |
|---|---|---|
| a. | Direct credit substitutes, such as general guarantees of receivables including standby letters of credit serving as financial guarantees for financing and Islamic securities and acceptances (including endorsements with the character of | 100% |
| e. | Certain transaction-related contingent items, such as performance bonds, bid bonds, warranties and standby letters of credit related to particular transactions. | 50% |

15

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-7
Ujrah : Isu-Isu dan Aplikasi dalam Kewangan Islam

## PIAWAI SYARIAH SEDIA ADA – QARD DAN CADANGAN

- Resolusi Majma' al-Fiqh al-Islami OIC dalam Qard mensyaratkan pengiraan kos sebenar:
  - Hendaklah sesuai
  - Mesti benar-benar tepat
  - Tidak melibatkan sebarang kos tidak langsung *(indirect expenses)* seperti penggajian kakitangan, sewa dan perbelanjaan pejabat dan liabiliti lain.
- Adalah dicadangkan agar kos ini termasuk autoriti kredit serta prosesnya dalam mengeluarkan pinjaman kepada pelanggan.

16